



- (i) PENOLONG PENDAFTAR GRED 41 (TERBUKA)
- (ii) PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED 41 (TERBUKA)

Tarikh Iklan : 02 Ogos 2022 (Selasa)

Lokasi : Putrajaya

Lantikan : Kontrak

Gaji : RM2,422.00 - RM4,500.00 (termasuk kelayakan elaun)

#### CARA-CARA MEMOHON :

1. PENOLONG PENDAFTAR GRED 41 (TERBUKA) :

<https://forms.gle/3wDBgsdHnQdEFLLF6>

2. PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED 41 (TERBUKA) :

<https://forms.gle/p5rdXpH61YhbmU8p8>

Tarikh tutup permohonan adalah pada 05 Ogos 2022 (Jumaat) jam 12.00 tengah hari. Permohonan yang lewat diterima daripada tarikh yang dinyatakan tidak akan dipertimbangkan.

#### PERTANYAAN

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di talian 03-8800 6268 atau berhubung dengan Unit Sumber Manusia di alamat e-mel [hr@mbot.org.my](mailto:hr@mbot.org.my)

**(i) PENOLONG PENDAFTAR GRED 41 (TERBUKA)**

**Ringkasan Tugasan :**

1. Mengendali dan menyelaras program/ aktiviti kawal selia perilaku dan etika teknologis dan juruteknik;
2. Bertindak sebagai *focal point* dalam penyampaian dan penyebaran maklumat secara dalaman dan kepada Panel Pakar Teknologi (TEP);
3. Bertindak sebagai pegawai perhubungan TEP serta bertanggungjawab mengendali menguruskan Memorandum Persefahaman (MoU) MBOT;
4. Merancang dan melaksanakan program perhubungan TEP MBOT;
5. Memantau program promosi penubuhan, pengoperasian, fungsi dan objektif MBOT peringkat tempatan dan antarabangsa;
6. Memantau perancangan dan pelaksanaan dasar serta bertindak sebagai penyelaras dan penghubung berkaitan program/ aktiviti MBOT dengan Kementerian;
7. Memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan program dan aktiviti pembangunan Teknologis dan Juruteknik;
8. Memupuk hubungan kerjasama multilateral strategik dengan organisasi antarabangsa;
9. Bertindak sebagai urus setia kepada Jawatankuasa-Jawatankuasa berkaitan di bawah MBOT; dan
10. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

**Kelayakan :**

1. Warganegara Malaysia berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi umur 56 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
2. Mempunyai ijazah sarjana muda dalam bidang teknologi/ pengurusan projek/ kejuruteraan/ komunikasi/ multimedia/ statistik atau setara dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pendidikan tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
3. Bahasa Malaysia sekurang-kurangnya Gred C pada peringkat SPM/SVM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
4. Calon yang mempunyai pengalaman kerja dan **boleh bekerja dalam kumpulan, teliti**, mempunyai kemahiran komunikasi yang **baik** atau mempunyai pengalaman bekerja dengan badan antarabangsa serta bersedia menjalankan arahan **kerja lebih masa** akan diberi keutamaan untuk dipanggil dalam sesi temuduga.

**(ii) PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED 41 (TERBUKA)**

**Ringkasan Tugasan:**

1. Membuat kajian kesesuaian sistem dalaman MBOT yang sedia ada dan menganalisa, mereka bentuk, membangun, melaksana dan menyelenggara sistem-sistem ICT yang digunakan;
2. Menjalankan kerja-kerja pemantauan keselamatan data organisasi merangkumi telekomunikasi dan rangkaian, pusat data, pangkalan data, aplikasi serta kawalan akses ke atas maklumat keselamatan ICT;
3. Merancang dan mengurus rundingan, ulasan dan dokumen seperti spesifikasi teknikal aset bagi perolehan aset ICT;
4. Memantau keadaan semasa dan jangka hayat aset ICT untuk tujuan penyediaan Cadangan Pelupusan Aset ICT;
5. Mengurus dan menyelaras penyenggaraan peralatan ICT, peranti kelengkapan kerja-kerja baikpulih, mengimbas dan menghapuskan virus komputer dan installatian perisian serta meningkat upaya komputer, sistem operasi dan aplikasinya;
6. Memberi bantuan, khidmat nasihat dan latihan kepada kakitangan keupayaan infrastruktur serta aplikasi ICT;
7. Mengurus, mengawal dan memantau penggunaan emel, capaian internet, capaian data dan maklumat kakitangan;
8. Menguruskan kerja-kerja audit keselamatan ICT dan membangunkan sistem bagi pengurusan aset-aset dibawah seliaan Unit IT MBOT;
9. Menjalankan kerja-kerja pengurusan kesinambungan termasuk Pemulihan Bencana (*Disaster Recovery*);
10. Menguruskan serta membangun program baru untuk sesuatu sistem gunaan komputer, memperkembangkan sistem komputer yang sedia ada bagi memenuhi keperluan semasa, penyelenggaraan sistem dan memberikan latihan serta bantuan teknikal kepada pihak pengguna;

11. Mengkaji dan menganalisis kemungkinan kesesuaian sistem komputer yang sedia ada dan seterusnya mereka bentuk, membangun, melaksana, menyelenggara serta kajian semula sistem pemprosesan data dan maklumat bersesuaian dengan kegunaan MBOT;
12. Menjalankan kerja-kerja pemantauan keselamatan maklumat organisasi merangkumi telekomunikasi dan rangkaian, pusat data, pangkalan data, aplikasi serta kawalan akses ke atas maklumat keselamatan ICT MBOT;
13. Menyelenggara, mentadbir laman sesawang serta pangkalan data MBOT dan TTAS; dan
14. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

### **Kelayakan**

1. Warganegara Malaysia berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi umur 56 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
2. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang Teknologi Maklumat/ Sains Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
3. Bahasa Malaysia sekurang-kurangnya Gred C pada peringkat SPM/SVM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **Kemahiran Diperlukan**

1. Mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman dalam Pentadbiran Rangkaian/ Sistem/ Pangkalan Data/ Analisis Data/ Pembangunan sistem atau setaraf;
2. Mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang baik dalam SQL dan *Open Source Language, Linux, Windows Server*; dan
3. Berkemahiran dalam penggunaan HTML, CSS, JavaScript atau PHP.